



---

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41(29)  
Tarikh : 22 November 2012

## SIARAN MEDIA

### SAMBUTAN HARI TANDAS SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2012

**Kuala Lumpur**, 22 November 2012 – Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan melancarkan Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2012 di Hotel Crowne bertemakan **Tandas Bersih, Kesejahteraan 1Malaysia**. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah mengadakan sambutan ini sejak 2001 lagi. Ia adalah sebahagian daripada program Kempen Tandas Bersih yang telah dijalankan bagi mencapai sasaran

- Sifar tandas kotor di Malaysia menjelang tahun 2020.
- Malaysia sebagai sebuah negara yang cantik, menarik dan bersih dalam segala aspek termasuklah kemudahan tandas awam.
- Peningkatan amalan Budaya Tandas Bersih

Majlis perasmian di Hotel Crowne Plaza ini dihadiri oleh Ketua Setiausaha KPKT, pegawai kanan KPKT, JKT, agensi Kerajaan, pihak pengurusan hospital, institusi pendidikan, sekolah-sekolah, industri pengeluar, operator-operator pembersihan tandas awam dan pertubuhan bukan kerajaan. Bersempena dengan Majlis Perasmian Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2012 ini juga diadakan **Seminar Tandas Bersih 1Malaysia** dan **Pameran Tandas Bersih 1Malaysia** yang akan disertai oleh 15 pempamer industri pengeluar barangan tandas utama di Malaysia.

## **Pertandingan Anugerah Tandas Bersih Peringkat Kebangsaan 2012**

Bersempena Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2012 ini, KPKT telah menganjurkan pertandingan “Anugerah Tandas Bersih- 1Malaysia . Ianya bertujuan memberi pengiktirafan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pemilik-pemilik tandas awam di atas usaha dan inisiatif mereka mengwujudkan model tandas bersih sebagai contoh kepada tandas-tandas yang lain. Kategori tandas yang dipertandingkan terbahagi kepada 10 kategori iaitu:

1. Tandas awam PBT (Bandaraya/Perbandaran)
2. Tandas PBT (Daerah)
3. Tandas Pusat Beli Belah
4. Tandas Hentian Awam
5. Tandas Kawasan Pelancongan
6. Tandas Kedai Makanan/Restoran
7. Tandas Sekolah Menengah
8. Tandas Sekolah Rendah
9. Tandas IPTA/IPTS
10. Tandas Pejabat Kerajaan

Calon-calon tandas awam tersebut telah diadili oleh sebuah Jawatankuasa “Anugerah Tandas Bersih - 1Malaysia 2012” yang terdiri daripada Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan, agensi-agensi kerajaan antaranya Kementerian Pelancongan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia dan badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan. Pemenang-pemenang Anugerah Tandas Bersih- 1Malaysia 2012' ini akan dijadikan contoh oleh PBT dan juga operator-operator tandas awam di seluruh Malaysia semoga di masa akan datang lebih banyak tandas-tandas yang bertaraf 5 Bintang diwujudkan.

## **Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Antarabangsa**

Sambutan Hari Tandas Sedunia pula disambut pada 19 November setiap tahun di seluruh dunia dengan tema “**African Sanitation – Scaling Up, Dignity For All**”. Hampir 60 negara di seluruh dunia menyambut Hari Tandas Sedunia termasuk

Malaysia. Tahun 2012 ini, Afrika telah terpilih sebagai tuan rumah bagi Sambutan Hari Tandas Sedunia di peringkat antarabangsa. Sejak tahun 2001, Pertubuhan Tandas Sedunia (*World Toilet Organization, WTO*) begitu prihatin terhadap kurangnya perhatian manusia sejagat ke atas aspek-aspek penjagaan kebersihan dalam kehidupan seharian. Hampir 2.5 billion manusia di seluruh dunia tinggal di kawasan di mana sistem sanitasi yang tidak sempurna. Situasi ini menjadikan mereka membuang air di kawasan - kawasan terbuka, sungai-sungai serta kawasan-kawasan berhampiran tempat tinggal serta punca makanan dan air. Ini menjadi punca ancaman terhadap kesihatan manusia sejagat. Dianggarkan 1.8 juta manusia yang kebanyakannya terdiri daripada kanak-kanak, mati dan menderita akibat penyakit bawaan makanan dan air setiap tahun.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)